

19/09/1998

Pemuda hilang keyakinan terhadap Ruslan

SEREMBAN, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sembilan mengisytiharkan hilang keyakinan terhadap kewibawaan Ketua Pemuda Umno negeri, Ruslan Kasim, untuk memimpin pergerakan itu.

Sehubungan itu, Majlis Tertinggi (MT) parti diminta mengambil tindakan disiplin terhadap Ruslan kerana tindak-tanduknya yang bertentangan dengan keputusan MT.

Naib Ketua Pemuda negeri, Shahrul Akram Osman, berkata keputusan itu satu daripada dua ketetapan diputuskan enam daripada tujuh Ketua Pemuda bahagian.

Katanya, Ketua Pemuda yang hadir ialah beliau sendiri mewakili Telok Kemang, Seremban, Kuala Pilah, Tampin, Rasah dan Jelebu, manakala Jempol diwakili Naib Ketua.

"Ruslan yang juga Ketua Pemuda Jempol tidak hadir, tetapi menghantar surat menyatakan persetujuan terhadap sebarang keputusan yang diambil," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di Wisma Negeri, hari ini.

Katanya, pertemuan itu bertujuan menyatakan hasrat pergerakan pemuda mengenai isu pemecatan Anwar kepada Mohd Isa berikutan kegagalan Ruslan mengadakan mesyuarat.

Shahrul berkata, ketetapan kedua ialah sebulat suara meminta Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, melepaskan jawatan kerana tidak menyatakan pendiriannya berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan parti.

Menurutnya, keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno dan MT terhadap Anwar wajar demi kepentingan negara dan parti.

Sementara itu, Mohd Isa yang juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri menyatakan sokongan terhadap keputusan Pergerakan Pemuda Umno negeri.

"Penolong Setiausaha Pemuda negeri berkali-kali meminta Ruslan mengadakan mesyuarat untuk menyatakan pendirian berhubung isu Anwar, tetapi dia mengelak kerana sedia maklum mengenai sokongan yang bakal diterima," katanya.

Beliau berkata, kehadiran enam Ketua Pemuda dan Naib Ketua Pemuda Jempol membuktikan keputusan itu sebulat suara dan akan disampaikan kepada MT dalam persidangan akan datang.

(END)